

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM  
KUMPULAN NELAYAN WANITA (KUNITA):  
SATU KAJIAN KES DI TEREINGGANU**

**MOHAMAD SAHIZAM MUSA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM  
KUMPULAN NELAYAN WANITA (KUNITA):  
SATU KAJIAN KES DI TEREANGGANU**

oleh

**MOHAMAD SAHIZAM MUSA**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2018**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah, segala puji bagi-Nya, Tuhan sekalian alam atas segala nikmat yang diberikan di sepanjang perjalanan pengajian ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Sezali Md. Darit, selaku penyelia utama yang banyak membimbing saya dalam menyiapkan tesis ini khususnya dalam proses pembetulan tesis. Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada Dr. Tan Yao Sua, selaku bekas penyelia utama yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan teguran sepanjang empat tahun saya di bawah penyeliaan beliau. Turut tidak dilupakan, jutaan terima kasih Prof. Dr. Kamaruddin Ngah selaku penyelia bersama yang banyak mengupas idea kajian sewaktu permulaan kajian ini. Di sini, ingin saya rakamkan jutaan terima kasih, kepada Pusat Kajian Dasar dan Pengajian Antarabangsa (CenPRIS, USM) dan warganya yang sentiasa mengambil berat tentang diri saya dan perjalanan pengajian saya. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak majikan saya, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta rakan-rakan seperjuangan saya di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE) yang tidak pernah jemu mendoakan saya, memberi sokongan moral dan motivasi untuk saya agar saya mampu melaksanakan kajian ini sehingga sempurna.

Jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya, Hasnah Ismail dan Musa Hashim, serta adik-adik, Shahidatul Husna, Syahidatul Haiza dan Nur Izzati kerana sentiasa mendoakan saya. Tidak dilupakan juga mentua saya Abdullah Sulaiman dan Saperah Mat Aroff.

Saya juga ingin berkongsi rasa syukur ini bersama-sama isteri dan anak saya, Noor Zaini Abdullah dan Nur Inara Milliyya yang selama ini menjadi jantung hati dan nadi perjuangan saya dalam menyiapkan tesis. Semoga Allah sentiasa memberi rahmat yang berterusan kepada kalian semua.

Mohamad Sahizam Musa

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Ogos 2018

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xiii</b>
<b>SENARAI ABREBIASI</b> .....	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xvii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xviii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xx</b>

### **BAB 1 - PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang Kajian .....	1
1.1.1	Latar Belakang Program Kumpulan Nelayan Wanita .....	5
1.2	Pernyataan Masalah Kajian .....	11
1.3	Persoalan Kajian .....	14
1.4	Objektif Kajian .....	15
1.5	Hipotesis Kajian .....	16
1.6	Kerangka Kajian .....	17
1.7	Sumbangan Kajian .....	21
1.7.1	Sumbangan Kajian kepada Ahli KUNITA .....	21
1.7.2	Sumbangan Kajian kepada Pihak LKIM .....	21
1.7.3	Sumbangan Kajian kepada Komuniti Nelayan .....	22
1.7.4	Sumbangan Kajian kepada Kompos Ilmu Baru .....	22
1.8	Skop Kajian dan Lokasi Kajian .....	23
1.8.1	Skop Kajian .....	23
1.8.2	Lokasi Kajian .....	23

1.9	Rumusan .....	24
 <b>BAB 2 - SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Pendahuluan.....	25
2.2	Pelaksanaan Dasar .....	26
2.2.1	Input Dasar.....	28
2.2.2	Output Dasar .....	29
2.2.3	Penghasilan Dasar ( <i>Outcomes</i> ).....	30
2.3	Analisis Dasar dan Penilaian Pelaksanaan Dasar .....	30
2.3.1	Analisis Dasar .....	31
2.3.2	Penilaian Pelaksanaan Dasar .....	34
2.3.3	Kaedah Analisis Dasar dan Penilaian Pelaksanaan Dasar .....	35
2.3.3(a)	Kaedah ' <i>Top-down</i> ' .....	36
2.3.3(b)	Kaedah ' <i>Bottom-up</i> ' .....	37
2.3.3(c)	Kaedah Kombinasi ( <i>Hybrid Approach</i> ).....	39
2.4	Pendekatan Dasar Pembangunan Malaysia dan Kemiskinan Nelayan.....	41
2.5	Program Pembangunan di Kalangan Wanita Malaysia dan Implikasinya.....	43
2.6	Bantuan kerajaan dalam Pelaksanaan Program Pembangunan dan Kesannya.....	46
2.6.1	Penganjuran Kursus .....	48
2.6.2	Bantuan Bengkel Perusahaan.....	50
2.6.3	Bantuan Peralatan Perusahaan .....	51
2.6.4	Bantuan Khidmat Nasihat .....	52
2.7	<i>Logic Model</i> sebagai Model Analisis Dasar Awam .....	55
2.8	Elemen-elemen Penghasilan Dasar ( <i>Outcome</i> ) Program Pembangunan .....	61
2.8.1	Pengetahuan .....	61
2.8.2	Kemahiran.....	64
2.8.3	Pendirian .....	66

2.8.4	Motivasi .....	68
2.8.5	Kesedaran.....	70
2.9	Faktor Latar Belakang dalam Keberkesanan Pelaksanaan Program Pembangunan.....	71
2.9.1	Umur .....	72
2.9.2	Taraf Pendidikan.....	73
2.9.3	Tingkat Pendapatan.....	76
2.9.4	Jenis Pendapatan dan Status Perkahwinan.....	77
2.9.5	Jumlah Tanggungan Keluarga .....	80
2.10	Kerangka Konseptual.....	82
2.11	Rumusan .....	85

### **BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN DAN MAKLUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN**

3.1	Pengenalan.....	86
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	86
3.3	Lokasi Kajian.....	87
3.4	Populasi dan Pensampelan.....	88
3.5	Instrumen Kajian .....	90
3.5.1	Borang Soal Selidik .....	90
3.5.2	Temu Bual.....	92
3.6	Pengukuran .....	93
3.6.1	Data Nominal dan Julat.....	93
3.6.2	Skala.....	94
3.6.3	Ukuran Pemboleh Ubah.....	94
3.7	Kaedah Analisis Data Kuantitatif .....	96
3.8	Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif .....	98
3.9	Kadar Pemulangan Soal Selidik .....	100

3.10	Maklumat Latar Belakang Responden (Kuantitatif).....	100
3.11	Kebolehpercayaan dan Kesahihan .....	108
3.12	Maklumat Latar Belakang Responden (Kualitatif).....	110
3.13	Kebolehpercayaan dan Kesahihan Temu Bual (Kualitatif) .....	112
3.14	Rumusan .....	113

#### **BAB 4 - BANTUAN KERAJAAN PROGRAM KUNITA**

4.1	Pengenalan.....	114
4.2	Output Penganjuran Kursus.....	115
4.2.1	Hubungan di antara Output Penganjuran Kursus dengan Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	115
4.2.2	Prestasi Output Penganjuran Kursus.....	117
4.2.2(a)	Faktor Ilmu Kursus .....	119
4.2.2(b)	Faktor Tidak Mendapat Maklumat Kursus .....	123
4.2.2(c)	Faktor Bilangan Kursus .....	124
4.2.2(d)	Faktor Kriteria Pemilihan Ahli Kursus .....	125
4.2.2(e)	Faktor Jarak Lokasi Kursus .....	126
4.2.2(f)	Faktor Kekangan Masa Menguruskan Rumah Tangga....	127
4.3	Output Bantuan Bengkel Perusahaan .....	129
4.3.1	Hubungan di antara Output Bantuan Bengkel Perusahaan dengan Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	129
4.3.2	Prestasi Output Bantuan Bengkel Perusahaan .....	131
4.3.2(a)	Faktor Timbang Tara Autoriti LKIM .....	133
4.3.2(b)	Faktor Maklumat Permohonan Bengkel .....	135
4.3.2(c)	Faktor Pemuliharaan Bengkel.....	136
4.4	Output Bantuan Peralatan Perusahaan.....	138
4.4.1	Hubungan di antara Output Bantuan Peralatan Perusahaan dengan Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	138
4.4.2	Prestasi Output Bantuan Peralatan Perusahaan .....	140



4.4.2(a)	Faktor Penyaluran Peralatan.....	142
4.4.2(b)	Faktor Penggunaan Peralatan .....	143
4.4.2(c)	Faktor Spesifikasi Peralatan .....	144
4.4.2(d)	Faktor Amalan Responsif LKIM.....	145
4.5	Output Bantuan Khidmat Nasihat.....	147
4.5.1	Hubungan di antara Output Bantuan Khidmat Nasihat dengan Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	147
4.5.2	Prestasi Bantuan Khidmat Nasihat .....	149
4.5.2(a)	Faktor Khidmat Pelanggan.....	151
4.5.2(b)	Faktor Pemantauan di Lapangan .....	152
4.7	Rumusan .....	155

## **BAB 5 - KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM KUNITA**

5.1	Pengenalan.....	158
5.2	Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA.....	159
5.2.1	Faktor Kelangsungan Projek Ekonomi .....	161
5.2.2	Faktor Ketiadaan Dana Perniagaan.....	171
5.2.3	Faktor Sikap Ahli KUNITA .....	176
5.2.4	Faktor Kredibiliti Pegawai.....	179
5.3	Pengaruh Pemboleh ubah Latar Belakang Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	184
5.3.1	Umur .....	184
5.3.2	Taraf Pendidikan .....	190
5.3.3	Tingkat Pendapatan.....	196
5.3.4	Jenis Pendapatan .....	203
5.3.5	Status Perkahwinan.....	207
5.3.6	Jumlah Tanggungan Keluarga .....	212
5.4	Dominasi Elemen Penghasilan Dasar ( <i>Outcome</i> ).....	218

5.5	Rumusan .....	225
-----	---------------	-----

## **BAB 6 - RUMUSAN KAJIAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan.....	228
6.2	Bantuan Kerajaan dan Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA .....	229
6.3	Elemen Penghasilan Dasar .....	252
6.4	Model Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA Terengganu .....	254
6.5	Cadangan Penambahbaikan Program .....	256
6.5.1	Tanda Aras Baru Jumlah Pendapatan Sampingan .....	257
6.5.2	Wujudkan Dana Perniagaan Khusus untuk Program KUNITA .....	258
6.5.3	Teruskan Pemberian Geran Peruntukan Program KUNITA .....	258
6.6	Cadangan Penambahbaikan Umum Program KUNITA Terengganu.....	259
6.6.1	Tingkatkan Promosi Program KUNITA.....	259
6.6.2	Tingkatkan Profesionalisme Pegawai Pelaksana .....	259
6.6.3	Anjurkan Kursus Kepimpinan .....	259
6.6.4	Sistem Pegangan Saham .....	260
6.6.5	Hebahan Informasi Melalui Media Massa.....	260
6.7	Cadangan Penambahbaikan Khusus Program KUNITA Terengganu.....	261
6.7.1	Cadangan Penambahbaikan Penganjuran Kursus.....	261
6.7.2	Cadangan Penambahbaikan Bantuan Bengkel Perusahaan .....	264
6.7.3	Cadangan Penambahbaikan Bantuan Peralatan Perusahaan.....	265
6.7.4	Cadangan Penambahbaikan Bantuan Khidmat Nasihat.....	266
6.8	Cadangan Kajian di Masa Hadapan.....	267
6.9	Batasan Kajian .....	268
6.10	Penutup .....	268

**RUJUKAN** ..... 270

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Statistik Program Kumpulan Nelayan Wanita Malaysia (2010-2015)	6
Jadual 1.2	Peruntukan Geran Pembangunan LKIM Malaysia (2011-2015)	8
Jadual 1.3	Peruntukan Program Kumpulan Nelayan Wanita Malaysia (2011-2015)	9
Jadual 1.4	Kursus Anjuran LKIM untuk Pembangunan Nelayan Malaysia 2011-2015	9
Jadual 2.1	Andaian Pengukuran Elemen-elemen Dalam Penghasilan Dasar	58
Jadual 3.1	Pembentukan Soal Selidik Kajian	90
Jadual 3.2	Skala Soal Selidik Kajian	92
Jadual 3.3	Pembahagian Skor Min bagi Setiap Tahap	93
Jadual 3.4	Draf Prosedur Melakukan Temu Bual	96
Jadual 3.5	Jenis Kegiatan Ekonomi Responden Mengikut PNK Terengganu (n=114)	98
Jadual 3.6	Keputusan Kebolehpercayaan (n=114)	105
Jadual 3.7	Keputusan Kesahihan (n=114)	105
Jadual 3.8	Maklumat Latar Belakang Responden (Ahli KUNITA) yang Ditemu Bual (n=14)	107
Jadual 4.1	Min Bagi Output Penganjuran Kursus Program KUNITA (n=114)	112
Jadual 4.2	Min Bagi Output Bantuan Bengkel Perusahaan Program KUNITA (n=114)	125
Jadual 4.3	Min Bagi Output Bantuan Peralatan Perusahaan Program KUNITA (n=114)	132
Jadual 4.4	Min Bagi Output Bantuan Khidmat Nasihat Program KUNITA (n=114)	141
Jadual 5.1	Nilai Min dan Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA (N=114)	151

Jadual 5.2	Ujian ANOVA untuk Umur kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	170
Jadual 5.3	Ujian <i>Post Hoc-Scheffe</i> Umur Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	171
Jadual 5.4	Ujian ANOVA untuk Taraf Pendidikan kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	174
Jadual 5.5	Ujian <i>Post Hoc-Scheffe</i> Taraf Pendidikan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	175
Jadual 5.6	Ujian ANOVA untuk Tingkat Pendapatan kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	179
Jadual 5.7	Ujian <i>Post Hoc-Scheffe</i> Tingkat Pendapatan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	180
Jadual 5.8	Ujian T untuk Jenis Pendapatan kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	186
Jadual 5.9	Ujian ANOVA untuk Status Perkahwinan kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	189
Jadual 5.10	Ujian <i>Post Hoc-Scheffe</i> Status Perkahwinan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	190
Jadual 5.11	ANOVA untuk Jumlah Tanggungan Keluarga kepada Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	193
Jadual 5.12	Ujian <i>Post Hoc-Scheffe</i> Jumlah Tanggungan Keluarga Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	194

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Model Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	19
Rajah 1.2	Peta Negeri Terengganu	22
Rajah 2.1	Kaedah <i>Top-down</i>	36
Rajah 2.2	Kaedah <i>Bottom-up</i>	37
Rajah 2.3	Kaedah Kombinasi ( <i>Hybrid Approach</i> )	39
Rajah 2.4	Elemen-elemen <i>Logic Model</i> (Mc Cawley, 2002)	55
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian	81
Rajah 3.1	Maklumat Responden Berdasarkan Persatuan Nelayan Kawasan (n=114)	97
Rajah 3.2	Maklumat Umur Responden (n=114)	99
Rajah 3.3	Maklumat Taraf Pendidikan Responden (n=114)	100
Rajah 3.4	Maklumat Tingkat Pendapatan Responden (n=114)	101
Rajah 3.5	Maklumat Jenis Pendapatan Responden (n=114)	102
Rajah 3.6	Maklumat Status Perkahwinan Responden (n=114)	103
Rajah 3.7	Maklumat Jumlah Tanggungan Keluarga Responden (n=114)	104
Rajah 3.8	Maklumat Responden Temubual (n=27)	106
Rajah 4.1	Peratusan Kesiediaan Ahli KUNITA untuk Hadir Berkursus	111
Rajah 4.2	Faktor yang mempengaruhi Tahap Prestasi Output Penganjuran Kursus	113
Rajah 4.3	Peratusan Keinginan Ahli KUNITA untuk Mendapatkan Bantuan Bengkel	124
Rajah 4.4	Faktor yang mempengaruhi Tahap Prestasi Output Bantuan Bengkel Perusahaan	126
Rajah 4.5	Peratusan Keinginan Ahli KUNITA untuk Mendapatkan Bantuan Peralatan LKIM	131

Rajah 4.6	Faktor yang mempengaruhi Tahap Prestasi Output Bantuan Peralatan Perusahaan	134
Rajah 4.7	Peratusan Keinginan Ahli KUNITA Mendapatkan Bantuan Khidmat Nasihat LKIM	140
Rajah 4.8	Faktor yang mempengaruhi Tahap Prestasi Output Bantuan Khidmat Nasihat	142
Rajah 5.1	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA	152
Rajah 5.2	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berumur 36-40 Tahun	172
Rajah 5.3	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berpendidikan STPM dan ke atas	176
Rajah 5.4	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berpendapatan RM1000-1500 serta RM1500 dan ke atas	181
Rajah 5.5	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berdasarkan Jenis Pendapatan	187
Rajah 5.6	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berdasarkan Status Perkahwinan	190
Rajah 5.7	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Ahli KUNITA Berahli Keluarga Tujuh Orang dan ke atas	195
Rajah 5.8	Elemen Penghasilan Dasar dalam Pemboleh Ubah Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA (n=114)	198
Rajah 5.9	Faktor yang Mempengaruhi Susun Atur Elemen	200
Rajah 6.1	Model Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA Terengganu	235

## SENARAI ABREBIASI

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
CARE	Program Keusahawanan Persatuan Ibu Tunggal Negeri Johor
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FGG	<i>Fish Grower Group</i>
IADP	<i>Integrated Agricultural Development Project</i>
IKM	Institut Kemahiran MARA
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KEW	Kumpulan Ekonomi Wanita
KMO	Keiser Meyer Olkin
KPW	Kumpulan Pengembangan Wanita
KUNITA	Kumpulan Nelayan Wanita
KWT	Kelompok Wanita Tani
LA21	<i>Local Agenda 21</i>
LADA	<i>Langkawi Development Authority</i>
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
NGO	<i>Non Government Organization</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
ORS	<i>Organizational Research Services</i>
PKS	Perusahaan Kecil Dan Sederhana
PN	Persatuan Nelayan



PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
TEKUN	TEKUN Nasional

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran 1 Statistik Ahli KUNITA Terengganu (2012/2013) dan Kumpulan KUNITA yang Menerima Bantuan LKIM di Seluruh Malaysia (2011-2015).
- Lampiran 2 Set Soal Selidik Kajian.
- Lampiran 3 Analisis Dapatan SPSS.
- Lampiran 4 Latar Belakang Responden Temu Bual.

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM KUMPULAN  
NELAYAN WANITA (KUNITA): SATU KAJIAN  
KES DI TERENGGANU**

**ABSTRAK**

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar pembangunan bertujuan untuk menangani isu kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuklah komuniti nelayan. Kerajaan menyedari wanita berpotensi membawa perubahan positif kepada keluarga nelayan miskin dengan cara menjana pendapatan tambahan keluarga. Sehubungan itu, Program Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) ditubuhkan pada 1983 dan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) lebih 30 tahun. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji tahap prestasi bantuan kerajaan dan juga tahap keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA serta kesannya terhadap ahlinya di Terengganu. Keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dijadikan pemboleh ubah bersandar dan ia dibentuk daripada elemen *Logic Model* yang terpilih iaitu pendirian, kesedaran, motivasi, kemahiran dan pengetahuan. Kajian ini menggunakan Kaedah Kombinasi sebagai kaedah analisisnya. Secara metodologinya, kajian ini bermula dengan kaedah kuantitatif berasaskan tinjauan soal selidik yang melibatkan 114 responden dan kemudiannya, disusuli dengan kaedah kualitatif yang berasaskan temu bual secara mendalam melibatkan 27 responden. Kajian mendapati bantuan kerajaan iaitu penganjuran kursus, bantuan bengkel perusahaan, bantuan peralatan perusahaan dan khidmat nasihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA. Selain itu, prestasi bantuan-bantuan kerajaan ini turut didapati berada di tahap sederhana. Kajian ini turut menemukan tahap keberkesanan

pelaksanaan Program KUNITA dikenal pasti berada di tahap sederhana dan ia dipengaruhi oleh faktor kelangsungan projek ekonomi, ketiadaan dana perniagaan, sikap ahli KUNITA dan kredibiliti pegawai. Kajian ini turut mengenal pasti pemberhentian geran peruntukan KUNITA sejak 2016 sebagai satu permasalahan yang diberi perhatian. Kajian ini turut menemui ciri-ciri kelompok ahli KUNITA yang menyatakan komitmen tinggi iaitu ahli berumur 36-40 tahun, pendidikan STPM dan ke atas, pendapatan RM1001-RM1500 dan RM1501 dan ke atas sebulan, menjana pendapatan sampingan, berstatus bujang dan mempunyai tujuh tanggungan keluarga dan ke atas.

**THE EFFECTIVENESS OF THE IMPLEMENTATION OF WOMAN  
FISHERMAN GROUP PROGRAM (KUNITA):  
A CASE STUDY IN TERENGGANU**

**ABSTRACT**

The Malaysia government had implemented various development policies intended to address the poverty issues and also to improve the citizen living standard including fisherman community. The government sees a woman is a potential actor to bring about positive change to poor fisherman's family by supplement family income. Therefore, Women Fisherman Group (KUNITA) Program had been formed in 1983 and been implemented by The Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) for more than 30 years. This research is conducted to examine the level of government aids and effectiveness of the implementation of KUNITA Program as well as its impacts on members in Terengganu. The effectiveness of implementation of KUNITA Program becoming a dependent variable and it's formed by selected Logic Model elements, i.e. attitude, awareness, motivation, skill, and knowledge. This research uses hybrid approach as it analysis method. In terms of methodology, this research starts with the quantitative method based on a questionnaire survey, involving 114 respondents and followed by the qualitative method based on an in-depth interview, involving 27 respondents. This research shows that all program outputs, i.e. organization of course, corporate workshop aid, corporate equipment aid and advisory service, did have a significant correlation to the effectiveness of the implementation of the KUNITA Program. Meanwhile, the performance of government aids also found at moderate level. This research also found, the effectiveness of the implementation of KUNITA Program was moderate and this

level been influenced by several factors, i.e. economy project sustainability, lack of business fund, KUNITA's member attitude and officer credibility. This research also identified the retirement of KUNITA grant since 2016 as a problem that need attention. This study also found the features of a high potential group of KUNITA Program members, i.e. aged 36-40 years old, education level STPM and above, income RM1001-1500 and RM 1501 and above per month, earn a supplement income, single person and also having seven and more household dependency.

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Di Malaysia, pelaksanaan dasar pembangunan merupakan satu perkara penting dalam menangani isu kemiskinan. Dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan antara dasar yang amat dominan (Ragayah, 2013). Dasar-dasar yang dilaksanakan ini bersifat menyeluruh dan memberi kesan kepada pelbagai jenis kaum, peringkat umur, lokasi, sektor ekonomi, status dan sebagainya sebagaimana yang disasarkan dalam objektif pelaksanaan dasar tersebut (Faaland et al., 1991; Gomez et al., 2013).

DEB dilihat sebagai dasar yang menunjangi pelaksanaan dasar pembangunan negara di peringkat awal iaitu sekitar tahun 1970-1990. Melalui pelaksanaan DEB, kerajaan menyasarkan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat ekoran daripada berlakunya ketidakseimbangan fungsi ekonomi dan jurang pendapatan yang besar di antara kaum serta penduduk luar bandar dengan penduduk di bandar (Faaland et al., 1991). Pada 1970, 49.3 peratus rakyat di Semenanjung Malaysia menerima pendapatan di bawah garis kemiskinan akibat daripada pulangan pendapatan yang rendah (Faaland et al., 1991).

Dasar pembangunan di Malaysia merupakan satu alat untuk mentransformasikan rakyat agar mereka memiliki taraf hidup yang lebih baik sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan (Ibrahim & Nor Hayati, 2007). Taraf hidup

rakyat berubah jika program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan berupaya memberi kesan positif kepada golongan sasaran. Perkara-perkara seperti kecukupan dan kesampaian bantuan kerajaan kepada golongan sasaran merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan program pembangunan. Setelah itu, barulah proses menilai kesan dan manfaat boleh dilakukan terhadap golongan sasaran (Pressman & Widalsky, 1973; Van Meter & Van Horn, 1975).

Kemiskinan diibaratkan warisan turun temurun bagi komuniti nelayan di negara ini (Yahya, 2008). Perikanan adalah sub kegiatan ekonomi yang rendah pulangnya walaupun ikan merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia (Firth, 1990; Ishak Shaari, 1990). Walaupun pelbagai dasar pembangunan dilaksanakan oleh kerajaan sejak DEB (1970-1990), merentasi DPN (1990-2000) dan Dasar Wawasan Negara (2001-2010), komuniti nelayan masih lagi ditakuk lama dengan peratusan kadar kemiskinan kian meningkat khususnya di Terengganu (Chamsuri, 2001; Nor Hayati, 2011). Keadaan ini wujud kerana dipengaruhi oleh situasi perkampungan nelayan yang pada mulanya dikategorikan sebagai luar bandar dihipit dengan kesan sampingan kos hidup yang tinggi apabila beberapa lokasi di negeri tersebut dibangunkan lalu menjadi bandar dan bandar raya yang pesat di pesisir pantai dengan penjenamaan ekonominya yang tersendiri (Nik Fuad et al., 2007) seperti Kuala Terengganu, Kemaman dan Kerteh (Dara Aisyah et al., 2011; Rohaimi, 04 Ogos 2011; Laporan Ekonomi, 2012/ 2013; Norhaspida, 18 Januari 2014).

Berdasarkan kajian di Kuala Besut pada 2005, didapati ramai golongan muda nelayan Terengganu enggan meneruskan tradisi keluarga sebagai nelayan (Ibrahim &



Nor Hayati, 2007), manakala laporan kajian pembentukan Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian yang dilakukan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 2012 menegaskan betapa signifikannya fungsi golongan wanita sebagai satu sumber pendapatan tambahan bagi membantu meningkatkan jumlah pendapatan sedia ada keluarga nelayan di Terengganu. Sehubungan itu, kerajaan menyediakan program pembangunan berbentuk keusahawanan untuk golongan wanita ini agar berupaya melakukan sebarang aktiviti ekonomi yang mereka inginkan (Rabiatul, 2009; Noraini & Doris, 2012). Sejak tahun 1983, kerajaan telah menubuhkan Program Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) bagi merealisasikan hasrat ini. Ahli program ini secara umumnya diberi peluang untuk memohon bantuan-bantuan kerajaan seperti kursus kemahiran, bantuan bengkel perusahaan, bantuan peralatan perusahaan serta bantuan khidmat nasihat bagi memperkasakan diri mereka dan kegiatan ekonomi yang mereka lakukan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula diberi tanggungjawab sebagai institusi yang melaksanakan Program KUNITA ini serta menyalurkan bantuan-bantuan tersebut.

Pelaksanaan Program KUNITA sudah dilaksanakan lebih 30 tahun oleh kerajaan untuk membantu golongan wanita menjana pendapatan tambahan bagi meringankan beban keluarga nelayan serta mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan komuniti tersebut. Justeru itu, satu penilaian harus dilakukan bagi mengukur sejauh manakah kesan yang telah terhasil daripada pelaksanaan program ini.

Penilaian ini penting bagi mengenal pasti tahap prestasi bantuan-bantuan kerajaan dan kesampiannya kepada golongan wanita serta tahap penghasilan (*outcome*) dasar yang telah berjaya dicapai oleh program tersebut (Pressman & Wildavsky, 1984). Sesuai dengan keinginan tersebut, kajian kes yang bersifat meninjau keberkesanan keseluruhan proses pelaksanaan Program KUNITA merangkumi input, output bantuan kerajaan dan penghasilan dasar (*outcome*) merupakan kaedah terbaik yang boleh dipraktikkan (Van Meter & Van Horn, 1975; Pressman & Wildavsky, 1984).

Bagi melakukan satu kajian kes berkenaan penilaian pelaksanaan dasar, populasi kajian yang paling sesuai ialah populasi kajian yang mempunyai banyak ciri rasional berkaitan dengan ruang lingkup yang dibincangkan oleh kajian ini (Van Meter & Van Horn, 1975) iaitu himpitan kemiskinan dan usaha menambahkan pendapatan tambahan dalam kalangan komuniti nelayan (Nor Hafizah et al, 2010; Nor Hayati, 2011).

Kelompok wanita dari komuniti nelayan Terengganu dilihat memiliki beberapa ciri rasional yang memungkinkan dapatan penilaian pelaksanaan Program KUNITA akan lebih menarik dan bermanfaat dalam kajian ini. Dengan berlatar belakang pendapatan kaum lelakinya antara yang terendah di Malaysia sekitar RM 1,400 sebulan, 86.53 peratus nelayan Terengganu tidak mampu memiliki aset mewah dan menjadi tiga buah negeri yang paling kritikal dalam isu kemiskinan nelayan. Kaum lelakinya hanya berkeupayaan menjana pendapatan sampingan sekitar RM200 sebulan terpaksa menyara tanggungan keluarga yang besar dengan nisbah 1:5.2 bagi setiap satu keluarga (Banci Sendi, 2007-2008). Justeru itu, di sini

terlihat betapa komuniti ini menghadapi kekangan kewangan dan amat memerlukan sumbangan kaum wanitanya dalam menjana pendapatan tambahan untuk menampung keperluan keluarga.

Penilaian pelaksanaan dasar adalah kaedah paling sesuai dalam mengenal pasti apakah isu-isu terkini yang wujud sewaktu pelaksanaan program ini dilakukan di Terengganu. Kaedah ini mampu mendedahkan segala permasalahan dan pencapaian dari peringkat akar umbi pelaksanaan Program KUNITA. Adalah menjadi satu keperluan yang penting bagi kajian ini untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA ini memandangkan ia merupakan satu program pembangunan yang dikhususkan buat golongan wanita bertujuan menyediakan saluran alternatif bagi komuniti nelayan Terengganu secara keseluruhannya untuk meningkatkan pendapatan dan keluar dari kepompong kemiskinan. Jika penilaian dasar tidak dilakukan maka agak sukar bagi pihak-pihak berwajib menangani peningkatan peratusan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti nelayan di petempatan-petempatan sekitar pesisir pantai Terengganu yang kini dihimpit kos sara hidup tinggi lantaran proses modenisasi yang dialami bandar-bandar utamanya.

### **1.1.1 Latar Belakang Program Kumpulan Nelayan Wanita**

Program Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1983. Keahliannya melibatkan isteri nelayan yang mana suaminya ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), anak atau adik perempuan nelayan yang berumur 18 tahun ke atas serta ibu tunggal yang kematian suami yang mana suaminya bekerja sebagai nelayan. Yuran tahunan dikenakan kepada setiap ahli dan

diwujudkan tabung caruman KUNITA. Jadual 1.1 adalah Statistik Program Kumpulan Nelayan Wanita Malaysia (2010-2015).

Jadual 1.1 Statistik Program Kumpulan Nelayan Wanita Malaysia (2010-2015)

Perkara/ Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Bilangan Ahli	6,275	6,004	6,004	6,000	5,947	6,000
Bilangan Kumpulan	153	135	135	135	135	135
Bilangan Projek Ekonomi	82	29	23	17	18	18

Sumber Laporan Tahunan LKIM (2010-2015).

Objektif utama program ini ialah membantu ahli-ahlinya menjana pendapatan tambahan sehingga RM 500 sebulan bagi mengurangkan beban tanggungan keluarga. Objektif ini dilihat sebagai salah satu kaedah yang digunakan kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan nelayan selaku komuniti terpinggir sama seperti yang diinginkan oleh DEB. Program ini juga mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga nelayan supaya berdaya saing, dinamik dan berdaya tahan.
- b) Mewujudkan budaya masyarakat penyayang dan tidak mementingkan diri.

- c) Mewujudkan budaya masyarakat yang bermoral tinggi, beretika dan mempunyai nilai-nilai murni berlandaskan agama.
- d) Mengukuhkan kegiatan ekonomi dan sosial bersama Persatuan Nelayan (PN) dengan penggalakkan tabungan, perniagaan dan pelaburan.

Lazimnya projek ekonomi KUNITA adalah seperti memproses produk berasaskan ikan, kuih-muih, kraf tangan, jahitan, *home stay*, kuih sejuk beku, medan ikan bakar, pasar nelayan, katering, kedai dobi dan sebagainya. Program ini turut mempunyai aktiviti sosial seperti kelas pengajian kerohaniah, kumpulan berzanji, senamrobik, pemuliharaan alam sekitar, kelas masakan atau jahitan serta pelbagai kursus kemahiran.

Struktur organisasi ahli jawatankuasa KUNITA dianggotai oleh ketua kumpulan, penolong ketua, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan AJK seramai enam hingga 8 orang sebagai ketua biro. Pengerusi dan Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) diberi tugas sebagai penasihat kepada KUNITA. Jawatan setiausaha KUNITA harus disandang oleh kakitangan PNK dan tugas ini selalunya diserahkan kepada Pembantu Akaun PNK. Bagi menggerakkan organisasi ini menjadi aktif, mesyuarat dilakukan secara formal setiap bulan di Persatuan Nelayan (PN) dan secara tidak formal pada tiap-tiap minggu di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) ataupun bengkel KUNITA di mana prosedur mesyuarat seperti penyediaan minit mesyuarat adalah perkara yang diwajibkan.

Persatuan Nelayan (PN) diberi peranan oleh kerajaan untuk mengenal pasti kampung yang memerlukan penubuhan KUNITA. Selain itu, PN juga

bertanggungjawab membantu dan menyelia kegiatan KUNITA serta merancang projek yang bersesuaian dengan minat dan kemahiran ahli KUNITA di samping memenuhi permintaan pasaran sedia ada. PN juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan laporan kemajuan KUNITA kepada LKIM Negeri dan LKIM Pusat.

LKIM diberi mandat melaksanakan Program KUNITA telah menggunakan beberapa strategi bagi membolehkan aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh ahli-ahli program tersebut berupaya mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan. Antara strategi berikut adalah LKIM mensasarkan setiap KUNITA harus mampu menghasilkan sekurang-kurangnya satu produk utama. LKIM bertindak menyediakan bengkel bagi setiap KUNITA untuk menjalankan projek ekonomi dan mensasarkan semua KUNITA mempunyai bengkel mereka sendiri menjelang 2015. LKIM turut memikul tanggungjawab untuk membantu ahli-ahli program ini dalam menyediakan pelan pemasaran produk bagi setiap KUNITA. Lantaran itu, pegawai pemantau LKIM akan memberi bantuan khidmat nasihat dari masa ke semasa kepada ahli-ahli program ini ketika mereka menjalankan projek ekonomi masing-masing. Selain itu, LKIM juga membantu KUNITA dengan menjayakan Seminar KUNITA, KUNITA Jaya, majalah tahunan KUNITA, kursus kemahiran dan bantuan peralatan (LKIM, 2017). Jadual 1.2 merupakan Peruntukan Geran Pembangunan LKIM Malaysia (2011-2015) yang diberikan oleh kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan nelayan termasuk KUNITA.

Jadual 1.2 Peruntukan Geran Pembangunan LKIM Malaysia (2011-2015)

Tahun	RM/juta
2010	113,487,800
2011	25,700,000
2012	23,750,000
2013	39,750,000
2014	26,966,463
2015	20,150,000

Sumber Laporan Kewangan Tahunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 2011 dan 2015.

Jadual 1.3 merupakan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan melalui LKIM untuk Program KUNITA bagi menganjurkan kursus, pembinaan bengkel dan membekalkan peralatan berdasarkan data Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK10) bermula dari tahun 2011 hingga 2015.

Jadual 1.3 Peruntukan Program Kumpulan Nelayan Wanita Malaysia (2011-2015)

Perkara/ Tahun	2011	2012	2013	2014	2015
Geran Peruntukan	0.6	0.4	0.5	0.5	0.5
Kursus, Peralatan dan Bengkel (RM/juta)					
Bilangan Penerima	14 KUNITA	21 KUNITA	13 KUNITA	15 KUNITA	15 KUNITA

Nota: Nilai peruntukan ini turut dikongsi dengan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA)

Sumber Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 2011-2015.

Jadual 1.4 pula merupakan kursus anjuran LKIM untuk pembangunan nelayan di mana ahli KUNITA juga turut serta di dalam kursus-kursus ini.

Jadual 1.4 Kursus Anjuran LKIM untuk Pembangunan Nelayan Malaysia 2011-2015

Tahun	Bilangan	Nama Kursus	Bilangan Peserta
2011	8	Kursus Motivasi Nelayan	412



	8	Kursus Kemahiran Kumpulan Nelayan	315
2012	8	Kursus Kemahiran Kumpulan Nelayan	315
2013	12	Kursus Kemahiran Kumpulan Nelayan	515
2014	15	Kursus Kemahiran Kumpulan Nelayan	637
2015	15	Kursus Kemahiran Kumpulan Nelayan	637

Sumber Laporan Kewangan Tahunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 2011-2015.

## 1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Sejak 1983, kerajaan telah menyalurkan pelbagai jenis bantuan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk Program KUNITA kerana ingin membantu golongan wanita meraih pendapatan tambahan serta merubah nasib keluarga nelayan (Nor Hafizah & Salfarina, 2004; Nor Hafizah et al, 2010). Namun begitu, dari tahun 2010 hingga 2014 berlakunya penurunan penyertaan daripada

golongan wanita di dalam program ini dengan menyaksikan bilangan ahli berkurangan dari 6,275 orang pada 2010 menjadi 5,947 pada 2014. Manakala kumpulan KUNITA yang aktif berkurangan dari 153 kumpulan pada 2010 menjadi 135 pada 2014 sekali gus menyebabkan bilangan projek ekonomi KUNITA turun secara mendadak dari 82 buah projek pada 2010 kepada 18 projek pada 2014 (Laporan Kewangan LKIM 2010-2015). Zazali (2004) dalam satu kajiannya di kawasan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di Terengganu pernah menemukan dapatan walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan namun tetap ada peserta program yang kurang komited melibatkan diri di dalam program-program pembangunan nelayan. Hasil daripada sikap kurang komited dengan program-program sebegini, Aisyah (2012) menemukan dapatan di mana ahli komuniti ini didapati tidak memiliki kemahiran yang khusus dan menyebabkan kaum lelakinya tiada pilihan selain menjadi nelayan manakala 89.8 peratus kaum wanitanya kekal sebagai suri rumah.

Pendapatan komuniti nelayan Terengganu termasuklah keluarga ahli KUNITA didapati meningkat dengan perkadaran RM206.54 dalam tempoh masa 10 tahun (2003-2013). Peningkatan ini merupakan satu pencapaian yang selari dengan usaha kerajaan yang ingin memastikan pendapatan komuniti ini terus menerus meningkat dari masa ke semasa. Sungguhpun begitu, jumlah peningkatan pendapatan ini kecil dan gagal memberi perubahan yang besar terhadap taraf hidup komuniti ini. Situasi ini membuatkan keluarga ahli KUNITA masih lagi dihambat kemiskinan dan berhadapan kekangan kewangan yang membebankan. Keberkesanan program dan saluran bantuan menjadi isu fokus pada kegagalan kerajaan mencapai jumlah

peningkatan pendapatan yang sewajarnya dalam tempoh waktu tersebut (Aisyah & Nor Hayati, 2013).

Sehubungan dengan peningkatan pendapatan yang kecil ini juga, Nor Hayati (2013) menemukan dapatan di mana komuniti nelayan ini secara majoritinya agak terpinggir daripada menerima bantuan-bantuan kerajaan, khususnya melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Berlakunya ketidaksampaian bantuan kerajaan sama ada daripada kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri untuk membantu projek-projek ekonomi nelayan termasuklah projek ekonomi yang dijalankan oleh golongan wanitanya.

Ahli KUNITA di Terengganu dilaporkan oleh LKIM Terengganu kurang mendapat maklumat mengenai sumber bantuan kerajaan dan situasi ini menjadikan mereka tidak tahu apakah saluran yang perlu digunapakai dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka (LKIM, 2014). Situasi ini hampir serupa dengan dapatan Nor Hayati (2011) pada tahun-tahun sebelumnya, di mana beliau mendapati hanya sebilangan kecil sahaja ahli komuniti nelayan Terengganu yang mengetahui kewujudan bantuan-bantuan tersebut dan berjaya memohonnya.

Setelah meneliti permasalahan yang timbul berkenaan trend penurunan keahlian, kumpulan dan projek KUNITA yang aktif, jumlah peningkatan pendapatan yang kecil bagi tempoh 10 tahun bagi keluarga ahli KUNITA, ketidaksampaian bantuan kerajaan untuk projek ekonomi KUNITA serta kekurangan maklumat mengenai bantuan kerajaan bagi majoriti ahli komuniti nelayan membuatkan isu “keberkesanan pelaksanaan” bagi program sebegini menjadi fokus kepada beberapa

kajian di Pantai Timur sebelum ini (Zazali, 2004; Nor Hayati, 2011; Aisyah, 2012; Aisyah & Ibrahim, 2012; Nor Hayati, 2013; Aisyah & Nor Hayati, 2013).

Kajian ini akan mengkaji keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA di Terengganu bagi melihat tahap yang telah berjaya dicapai oleh program ini dalam merealisasikan usaha kerajaan menambah pendapatan keluarga nelayan dengan berpaksikan wanita sebagai sumber ekonominya di samping melihat sejauh mana prestasi pelaksanaan bantuan-bantuan kerajaan yang telah disalurkan menerusi program ini untuk ahlinya. Kajian ini menggunakan kayu ukur 'keberkesanan' untuk mengukur proses pelaksanaan Program KUNITA di Terengganu ini.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah kajian yang telah dikenal pasti, kajian ini menyedari terdapat beberapa persoalan kajian yang timbul bagi menghurai permasalahan-permasalahan tersebut.

- i. Apakah bantuan kerajaan yang masih mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA?
- ii. Sejauh manakah prestasi LKIM dalam menyalurkan bantuan kerajaan untuk ahli KUNITA serta persepsi terhadapnya?
- iii. Sejauh manakah pencapaian pelaksanaan Program KUNITA ini di Terengganu serta persepsi terhadapnya?

- iv. Apakah elemen-elemen berpengaruh dalam bentuk penghasilan dasar yang dimiliki oleh ahli-ahli KUNITA di sepanjang penglibatan mereka di dalam Program KUNITA di Terengganu serta faktor-faktor yang berkait dengannya?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah mengkaji keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA di Terengganu. Di dalam objektif ini, terdapat empat objektif khusus. Berikut merupakan objektif-objektif khusus tersebut:

- i. Mengenal pasti bantuan kerajaan yang mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.
- ii. Mengkaji tahap prestasi bantuan kerajaan yang telah disalurkan oleh LKIM untuk ahli KUNITA serta persepsi terhadapnya.
- iii. Mengkaji tahap keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA di Terengganu serta persepsi terhadapnya.
- iv. Mengenal pasti susun atur elemen-elemen berpengaruh dalam pemboleh ubah keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA yang dimiliki oleh ahli-ahli KUNITA Terengganu serta faktor-faktor yang berkait rapat dengannya.

## **1.5 Hipotesis Kajian**

Kajian ini akan menguji 10 hipotesis bagi memenuhi objektif kajian.

H<sub>1</sub>: Output penganjuran kursus oleh LKIM mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

H<sub>2</sub>: Output bantuan bengkel perusahaan oleh LKIM mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

H<sub>3</sub>: Output bantuan peralatan perusahaan oleh LKIM mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

H<sub>4</sub>: Output bantuan khidmat nasihat oleh LKIM mempunyai hubungan dengan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

H<sub>5</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan umur.

H<sub>6</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan taraf pendidikan.

H<sub>7</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan tingkat pendapatan.

H<sub>8</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan jenis pendapatan.

H<sub>9</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan status perkahwinan.

H<sub>10</sub>: Terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA dalam kalangan ahli berdasarkan jumlah tanggungan keluarga.

## **1.6 Kerangka Kajian**

Di dalam kerangka kajian, pemboleh ubah terbahagi kepada dua iaitu pemboleh ubah bebas (bantuan kerajaan dan latar belakang) serta pemboleh ubah bersandar iaitu keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

Pemboleh ubah bebas bantuan kerajaan terdiri daripada empat pemboleh ubah iaitu penganjuran kursus, bantuan bengkel perusahaan, bantuan peralatan perusahaan dan bantuan khidmat nasihat. Manakala input kerajaan pula terdiri daripada sumber-sumber yang dimiliki LKIM iaitu masa, wang, kakitangan, peralatan dan kemudahan LKIM.

$y = x$  (Penganjuran Kursus, Bantuan Bengkel Perusahaan, Bantuan Peralatan Perusahaan dan Bantuan Khidmat Nasihat)

Pemboleh ubah bebas penganjuran kursus merupakan aktiviti-aktiviti kursus yang dikendalikan oleh pihak LKIM dan ia boleh disertai ahli KUNITA. Kursus-kursus tersebut adalah seperti motivasi kumpulan nelayan dan kursus kemahiran kumpulan nelayan selain daripada kursus demonstrasi yang turut diadakan di PNK-PNK.

Pemboleh ubah bebas output bantuan bengkel perusahaan merupakan bantuan berbentuk fizikal yang disediakan oleh LKIM untuk ahli KUNITA. Bantuan fizikal ini boleh dipohon oleh ahli jika mereka tidak mempunyai premis bagi menjalankan aktiviti ekonomi mereka ataupun jika premis sedia ada kurang sempurna bagi meningkatkan produktiviti produk keluaran mereka.

Pemboleh ubah bebas output bantuan peralatan perusahaan juga merupakan bantuan berbentuk fizikal yang disediakan oleh LKIM untuk ahli KUNITA sama seperti pemboleh ubah bebas bantuan bengkel perusahaan. Bantuan ini disalurkan kepada ahli-ahli yang tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi dalam menjalankan aktiviti memproses produk keluaran kumpulan mereka. Ada juga peralatan disalurkan kerana berlakunya peningkatan teknologi memproses produk sekali gus menjadikan kerja-kerja pengeluaran lebih efisien.

Pemboleh ubah bebas output bantuan khidmat nasihat merupakan bantuan berbentuk komunikasi dua hala di antara pegawai-pegawai LKIM dengan ahli KUNITA. Pegawai-pegawai ini lazimnya akan berada di lapangan bagi memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada ahli program.




Bagi pemboleh ubah bebas latar belakang pula, terdapat enam pemboleh ubah dipilih untuk diuji pada ahli KUNITA. Pemboleh ubah latar belakang tersebut ialah umur, taraf pendidikan, tingkat pendapatan, jenis pendapatan, status perkahwinan dan jumlah tanggungan keluarga.

Pemboleh ubah bersandar ialah keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA, pemboleh ubah ini terbentuk hasil gabungan lima elemen di dalamnya iaitu pengetahuan, kemahiran, pendirian, motivasi dan kesedaran. Pemilihan lima elemen ini adalah berdasarkan saranan '*Logic Model*' iaitu sebuah model yang digunapakai oleh pengkaji dasar dalam mengukur 'keberkesanan' sesuatu program mahupun dasar (Mc Cawley, 2002).

Elemen pengetahuan merujuk kepada sebarang pengetahuan yang diperoleh responden hasil daripada pendedahan menerusi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh LKIM. Elemen kemahiran pula merujuk kepada segala bentuk kemahiran yang ada pada ahli termasuklah kemahiran-kemahiran yang diperoleh menerusi latihan atau kemahiran yang diberikan oleh pengajar yang dijemput LKIM. Elemen pendirian pula merujuk kepada kepercayaan responden melalui respons mereka terhadap segala jenis bentuk perkhidmatan yang diberikan oleh pihak LKIM kepada mereka. Seterusnya ialah elemen motivasi, merujuk kepada bentuk-bentuk dorongan yang diperoleh hasil daripada komunikasi dua hala dalam kalangan ahli mahupun dengan pegawai-pegawai LKIM. Komunikasi ini wujud dalam pelbagai bentuk perhubungan sama ada ia formal mahupun tidak. Manakala item yang terakhir ialah elemen kesedaran, iaitu merujuk kepada tahap pemahaman responden

terhadap keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh mereka dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka berplatformkan Program KUNITA.

Pemboleh ubah bersandar ini akan diuji hubungannya dengan empat pemboleh ubah bebas bantuan kerajaan yang telah dipilih. Berikut merupakan Rajah 1.1 kerangka kajian yang telah dibentuk bagi memudahkan proses kajian seterusnya.



**Rajah 1.1. Model Keberkesanan Pelaksanaan Program KUNITA**

Sumber: Mc Cawley, 2002.

Kerangka kajian ini turut memaparkan dua kaedah yang digunakan iaitu pertamanya kaedah kuantitatif yang bersifat kaedah analisis secara *'Top-down'* dan disusuli dengan kaedah kualitatif yang bercirikan kaedah analisis secara *'Bottom-up'*. Susunan kedua-dua kaedah ini secara berturutan dalam kerangka bertujuan melengkapkan prinsip kaedah analisis bersifat *hybrid* atau kombinasi yang diinginkan

dalam kajian ini (Elmore 1985; Goggin et al., 1990; Matland,1995; Sabatier & J.Smith, 1999; Fullan, 2007; Sugget, 2011).

## **1.7 Sumbangan Kajian**

Kajian ini mengelaskan sumbangan kajian kepada beberapa jenis sumbangan iaitu sumbangan kajian kepada ahli KUNITA, pihak LKIM, komuniti nelayan dan juga sumbangan kajian dalam kompos ilmu baru.

### **1.7.1 Sumbangan Kajian kepada Ahli KUNITA**

Kajian ini bakal memberi sumbangan dengan cara melaporkan dapatan mengenai tahap dan trend semasa berkenaan dengan pengetahuan, kemahiran, pendirian, motivasi dan kesedaran ahli KUNITA setelah mereka menyertai Program KUNITA ini. Sekali gus memerihalkan kaedah, ruang dan peluang yang harus diguna pakai oleh mereka bagi meningkatkan lagi pendapatan mereka menerusi program ini.

### **1.7.2 Sumbangan Kajian kepada Pihak LKIM**

Kajian ini bakal memberi sumbangan kepada pihak LKIM dengan cara melaporkan prestasi semasa pelaksanaan bantuan kerajaan yang telah dijalankan melibatkan penganjuran kursus, bantuan bengkel perusahaan, bantuan peralatan perusahaan dan bantuan khidmat nasihat. Selain dari itu, pihak LKIM juga akan memperoleh maklumat terkini mengenai respons ahli KUNITA terhadap bantuan

yang telah mereka laksanakan sekali gus membuka ruang kepada pihak LKIM untuk terus menambah baik proses pelaksanaan sedia ada agar objektif program tersebut tercapai.

### **1.7.3 Sumbangan Kajian kepada Komuniti Nelayan**

Kajian ini bakal memberi sumbangan kepada masyarakat umum khususnya komuniti nelayan bagi memaparkan situasi sebenar pelaksanaan Program KUNITA ini serta manfaat-manfaat yang mampu diperolehi meneruskannya. Dengan mendedahkan dapatan ini, maka komuniti akan lebih prihatin terhadap perkembangan program ini sekali gus memberi motivasi kepada mereka untuk menyertainya. Selain dari itu, dapatan kajian ini juga mampu menggarap peningkatan pemahaman dan kesedaran dalam kalangan komuniti agar sama-sama memberikan kerjasama bagi menjayakan program ini dalam konteks komuniti setempat yang didiami oleh mereka.

### **1.7.4 Sumbangan Kajian kepada Kompos Ilmu Baru**

Kajian ini bakal memberi sumbangan baru dalam ilmu kajian dasar dengan menjadikan 'keberkesanan' sebagai kayu ukur dalam penilaian dasar yang dilakukan. Kajian ini turut memberi sumbangan baru berkenaan fenomena penurunan bilangan ahli, kumpulan dan projek ekonomi KUNITA yang dialami oleh program tersebut di seluruh Malaysia berdasarkan kes kajian di Terengganu. Kajian ini juga bakal menyumbang dapatan-dapatan baru berkenaan isu kemiskinan nelayan dan menonjolkan potensi wanita sebagai penjana pendapatan tambahan komuniti ini.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang dapatan bersifat Ex-Post Facto yang merangkumi input, output dan penghasilan dasar (*outcome*) program pembangunan nelayan di Malaysia yang ia turut menggunakan Kaedah Kombinasi sebagai kaedah analisisnya.

## **1.8 Skop Kajian dan Lokasi Kajian**

### **1.8.1 Skop Kajian**

Kajian ini hanya akan membincangkan tentang input-input yang dimiliki oleh LKIM, pelaksanaan bantuan-bantuan oleh LKIM dan penghasilan dasar yang dijana hasil daripada pelaksanaan program serta keberkesanan pelaksanaan Program KUNITA.

### **1.8.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini dilakukan di Negeri Terengganu Darul Iman, berkoordinat longitud (5.3117°) dan latitud (103.1324°E) dengan keluasan 13,035km persegi. Populasi penduduk negeri ini ialah 1,152,700 orang pada 2017 dengan Melayu (94.6%), Bumiputera Lain (0.3%), Cina (2.5%), India (0.3%), lain (0.2%) dan bukan warganegara (2.1%) (Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu). Rajah 1.2 memaparkan Peta Negeri Terengganu.



**Rajah 1.2 Peta Negeri Terengganu**

### **1.9 Rumusan**

Kesimpulannya, bab ini memaparkan pengenalan kajian yang ingin dilakukan oleh kajian ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka kajian, sumbangan kajian, definisi operasional dan batasan kajian. Bab ini turut memaparkan secara umum bagaimana isu permasalahan timbul dan keperluan permasalahan tersebut untuk dikaji.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab sorotan kajian ini, sorotan dilakukan terhadap kajian-kajian terdahulu bagi memilih model kajian yang ingin diguna pakai dalam kajian ini. Ulasan turut dilakukan bagi memperlihatkan kesinambungan di antara kajian terdahulu dan keperluan semasa kajian yang ingin dilaksanakan. Ulasan ini perlu bagi menjelaskan kehendak dan kedudukan kajian yang ingin dilaksanakan oleh kajian ini berbanding kajian-kajian lepas. Sorotan ini juga penting bagi mengenal pasti dapatan-dapatan kajian lepas yang sesuai diguna pakai dalam kajian ini.

Sorotan dilakukan meliputi bidang pelaksanaan dasar, analisis dasar dan penilaian pelaksanaan dasar, pendekatan dasar pembangunan Malaysia dan kemiskinan nelayan, program pembangunan di kalangan wanita Malaysia dan implikasinya, bantuan kerajaan dalam pelaksanaan program pembangunan dan kesannya, *Logic Model*, elemen penghasilan dasar program pembangunan, faktor latar belakang dan kerangka konseptual. Uma Sekaran dan Roger Bougie (2010), menyatakan sorotan kajian adalah pendokumentasian menyeluruh berdasarkan sumber sekunder yang dilihat mempunyai perkaitan penting dalam kajian yang dilakukan.